



9 September 2014
9 September 2014
P.U. (A) 251

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR (RETIKULASI AIR DAN PEMASANGAN PAIP) (PINDAAN) 2014

WATER SERVICES INDUSTRY (WATER RETICULATION AND PLUMBING) (AMENDMENT) RULES 2014



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR 2006

KAEDAH-KAEDAH INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR (RETIKULASI AIR DAN PEMASANGAN PAIP) (PINDAAN) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 180 Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [*Akta 655*], Suruhanjaya membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Retikulasi Air dan Pemasangan Paip) (Pindaan) 2014**.

(2) Kaedah-Kaedah ini, kecuali perenggan 2(d), mula berkuat kuasa pada 10 September 2014.

(3) Perenggan 2(d) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 9 September 2016.

Pindaan Jadual Pertama

2. Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Retikulasi Air dan Pemasangan Paip) 2014 [*P.U. (A) 36/2014*] dipinda dalam Jadual Pertama–

(a) dalam perkara (A)–

(i) dalam subperkara (iv), dengan memasukkan butir-butir yang berikut:

Ruang (2) Nombor Standard	Ruang (3) Tajuk Standard
"AS/NZS 2492 : 2007	Paip Polietilena Pemasut Silang (PE-X) Bagi Penggunaan Tekanan

ISO 15875-2 : 2003	Sistem Perpaipan Plastik Bagi Pemasangan Air Panas Dan Sejuk – Pemasut Silang Polietilena (PE-X) – Bahagian 2 : Paip”;
--------------------	--

- (ii) dalam subperkara (v), dengan memasukkan butir-butir yang berikut:

Ruang (2) Nombor Standard	Ruang (3) Tajuk Standard
“AS 4176.2 : 2010	Paip Berbilang Lapisan Untuk Penggunaan Tekanan – Sistem Perpaipan Berbilang Lapisan Bagi Kegunaan Perpaipan Dalam Air Panas Dan Sejuk - Paip”;

- (iii) dengan memasukkan selepas subperkara (ix) subperkara dan butir-butir yang berikut:

Ruang (1) Perkara	Ruang (2) Nombor Standard	Ruang (3) Tajuk Standard
“(ixa) Paip Berorientasi Polivinil Klorida Tanpa Plastik (PVC-O)	ISO 16422 : 2006	Paip Dan Sambungan Yang Diperbuat Daripada Polivinil Klorida Berorientasi (PVC-O) Untuk Pengangkutan Air Di Bawah Tekanan - Spesifikasi”;

- (iv) dalam subperkara (xiv), dengan memasukkan butir-butir yang berikut:

Ruang (2) Nombor Standard	Ruang (3) Tajuk Standard
"BS EN 1796 : 2013	Sistem Perpaipan Plastik Untuk Bekalan Air Bertekanan Atau Tanpa Tekanan – Plastik Termoset Bertetulang Kaca (GRP) Berasaskan Resin Poliester Tidak Tepu"; dan

- (v) dalam subperkara (xx), dengan menggantikan butir-butir "CJ/T 137: 2008" dalam ruang (2) dan "Paip Keluli Mudah dibentuk Dengan Saduran Plastik Untuk Bekalan Air" dalam ruang (3) dengan butir-butir yang berikut:

Ruang (2) Nombor Standard	Ruang (3) Tajuk Standard
"CJ/T 136: 2001	Paip Keluli Dengan Lapikan Plastik Untuk Bekalan Air";

- (b) dalam perkara (B)–

- (i) dalam subperkara (iii), dengan memasukkan butir-butir yang berikut:

Ruang (2) Nombor Standard	Ruang (3) Tajuk Standard
"AS 2537 : 1994	Kelengkapan Sambungan Mekanikal Untuk Kegunaan Dengan Paip Polietilena Pemasang

	Silang (PE-X) Bagi Kegunaan Air Panas Dan Sejuk”;
--	---

- (ii) dengan menggantikan subperkara (vi) dan butir-butir yang berhubungan dengannya dengan subperkara dan butir-butir yang berikut:

Ruang (1) Perkara	Ruang (2) Nombor Standard	Ruang (3) Tajuk Standard
“(vi) Lengkapan PPO dan Mikro-Komposit	AS 4176 : 1994	Polietilena / Aluminium Dan Pemasang Silang Polietilena / Sistem Paip Aluminium Makro-Komposit Bagi Penggunaan Bawah Tekanan
	AS 4176.3 – 2010	Paip Berbilang Lapisan Untuk Penggunaan Tekanan – Sistem Perpaipan Berbilang Lapisan Bagi Kegunaan Perpaipan Dalaman Air Panas Dan Sejuk – Lengkapan”;